



TEKS UCAPAN & PERASMIAN

YANG BERBAHAGIA DATUK KETUA PENGARAH
JABATAN TENAGA MANUSIA

DATUK ROSPIAGOS BIN TAHA

SEMPENA

KARNIVAL KECEMERLANGAN ILJTM WILAYAH SELATAN
TAHUN 2024
DI ADTEC BATU PAHAT

DEWAN SERI NILAM
PUSAT LATIHAN TEKNOLOGI TINGGI (ADTEC) BATU PAHAT

AHAD, 06 OKTOBER 2024

Bismillahir Rahmanir Rahim
Asalamualaikum, Warahmahtullahi Wabarakatuh
Terima kasih Saudara/i Pengacara Majlis

Yang Berusaha, Ts. Hj. Sarman bin Rawan
Pengarah ADTEC Batu Pahat, Johor
Merangkap Tuan Rumah Karnival Kecemerlangan ILJTM Wilayah Selatan
Tahun 2024

Yang Berusaha, Dr. Norhuda binti Salim
Pengarah ADTEC Melaka

Yang Berusaha, Ts. Noor Ariffin bin Mohd Ariff @ Haris
Pengarah ILP Bukit Katil, Melaka

Yang Berusaha, Ts. Mohamad Noor bin Ismail
Pengarah ILP Tangkak, Johor

Yang Berusaha, Ts. Dr. Alina binti A. Rahman @ Othman
Pengarah ILP Pasir Gudang, Johor

Yang Berusaha, Ts. Rostam bin Hashim
Pengarah ILP Selandar, Melaka

Yang Berusaha, Ts. Mohd Syahrulnizam bin Razali
Timbalan Pengarah Operasi
ILP Mersing, Johor

Yang Dihormati, semua Timbalan-timbalan Pengarah, Ketua-ketua
Kontinjen, Para Pengajar, Para Kakitangan

Seterusnya

Yang Diraikan, semua atlet Karnival Kecemerlangan ILJTM Wilayah
Selatan Tahun 2024

ALUAN DAN UCAPAN TAHNIAH

1. Alhamdulillah, saya panjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpahan rahmat dan kurnia-Nya, kita semua dapat bersama-sama pada hari ini. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Jabatan Tenaga Manusia amnya, dan Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Batu Pahat khususnya, di atas kesudian mengundang saya dan diberi kesempatan untuk bersama-sama pada hari ini bagi menjayakan **Karnival Kecemerlangan ILJTM Wilayah Selatan Tahun 2024 di ADTEC Batu Pahat**.
2. Sejujurnya, saya merasa amat bertuah dan berbesar hati pada hari ini kerana berpeluang dapat bertemu dengan para atlet dari seluruh ILJTM Wilayah Selatan yang berhimpun selama 3 hari di ADTEC Batu Pahat ini bagi merebut kejuaraan dalam acara masing-masing.

Para Hadirin Sekalian,

3. Sebentar tadi, saya sempat memerhati riak wajah semua peserta ketika bersukan dan bertanding demi meraih kejayaan. Saya dapat merasakan keterujaan dan semangat yang berkobar daripada semua atlet walaupun nampak juga sedikit keletihan mungkin kerana dari jauh atau sudah berminggu-minggu berlatih demi menjayakan misi untuk karnival ini.
4. Dalam konteks yang semakin mencabar ini, saya ingin mengajak semua pihak untuk terus memberi sokongan kepada kerajaan. Kerajaan sentiasa berikhtiar untuk memaju dan memanfaatkan sukan dalam masyarakat, melalui usaha melahirkan bakat baru yang berpotensi, serta menggalakkan peningkatan tahap kesihatan dan kecergasan fizikal di kalangan setiap warganegara pada umumnya.

5. Menyedari hakikat ini, Kerajaan telah meluluskan Dasar Sukan Negara pada 20 Januari 1988 yang berlandaskan konsep sukan untuk semua. Dalam konteks ini, saya berbangga kerana penganjuran karnival sukan pada kali ini boleh dianggap sebagai usaha untuk mencapai hasrat dan aspirasi kerajaan agar sukan dijadikan alat untuk menyumbang kepada penggalakkan pertandingan yang sihat, ikatan muhibbah, sikap toleransi dan kesefahaman.
6. Di samping itu, adalah diharapkan agar semangat kesukanan yang lahir dari karnival ini akan menjadi asas penting dalam usaha mengintegrasikan pelbagai sudut elemen kecakapan bukanlah hanya berlandaskan kejayaan akademik semata-mata, tetapi juga melibatkan pembangunan kepimpinan, kecemerlangan dalam sukan, seni, dan kemahiran teknikal yang akan memberi sumbangan besar kepada pembangunan negara. Lagipun kita bakal menyambut Hari Sukan Negara yang akan berlangsung dari 11 hingga 13 Oktober 2024 dan karnival ini adalah langkah pertama kita menunjukkan sokongan kepada Hari Sukan Negara.

Para Hadirin Yang dihormati Sekalian,

7. Kepada semua warga ILJTM, saya ingin mengucapkan tahniah atas usaha dan pencapaian yang telah anda capai sehingga hari ini. Tetaplah bersungguh-sungguh dalam mengejar impian dan teruslah berusaha untuk menjadi individu yang berjaya dalam pelbagai aspek kehidupan yang kian beragam ini. Seperti yang kita tahu, aktiviti bersukan ini juga adalah salah satu daripada mekanisme penjagaan yang seimbang untuk kesihatan fizikal dan mental. Di mana peratusan masalah kesihatan mental yang kian meningkat di kalangan penjawat awam ini adalah satu kebimbangan yang sering menjadi tajuk utama.
8. Justeru itu, keseimbangan itu boleh dicapai menerusi penglibatan secara aktif dalam aktiviti sukan dan riadah dimana membolehkan individu khususnya penjawat awam kekal cergas dan aktif ketika

melaksanakan urusan pentadbiran serta dapat menjalankan amanah dengan baik. Aktiviti sukan ini perlu dilakukan bagi mengimbangi kesihatan mental dan fizikal, aktiviti sukan bukan sahaja menyihatkan badan bahkan wujudkan kecerdasan minda dan fizikal yang baik.

Hadirin sekalian,

9. Saya doakan agar semua atlet yang bertanding dapat menerapkan nilai-nilai murni untuk prestasi cemerlang dan bersikap profesional. Menang atau kalah adat pertandingan namun pastikan penyertaan dalam temasya ini memberi nilai tambah, pengamalan serta ilmu yang berguna kepada anda semua untuk dibawa pulang sebagai pengalaman dan kenangan yang membangunkan diri.
10. Kepada tuan rumah pada kali ini, saya mengucapkan tahniah dan syabas atas penganjuran karnival ini. Kepada tuan rumah akan datang, saya percaya anda jua mampu menganjurkannya dan saya mengharapkan yang terbaik.
11. Akhir kata, sekali lagi, sekalung penghargaan saya zahirkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memastikan lakaran kejayaan terukir di pentas **Karnival Kecemerlangan ILJTM Wilayah Selatan Tahun 2024 Di ADTEC Batu Pahat** ini.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim,
saya dengan penuh syukur merasmikan
Karnival Kecemerlangan ILJTM Wilayah Selatan Tahun 2024

Sekian,
Wabillahi Taufik Wal Hidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

- TAMAT -